BAB 2

KEINDAHAN RUPA PARAS

2.1 Pendahuluan

Keindahan dipancarkan dalam pelbagai bentuk, sama ada secara tersurat atau tersirat. Cara keindahan dinilai dan dihargai juga berbeza-beza mengikut pandangan dunia masing-masing. Demikian juga dengan keindahan rupa paras. Ada masyarakat yang sanggup melalui penderitaan dan menyakitkan diri sendiri demi kelihatan cantik mengikut pandangan dunia mereka. Masyarakat Melayu amat teliti dalam menilai dan menghargai keindahan rupa paras. Keindahan ini dipancarkan dengan jelas dalam khazanah sastera seperti peribahasa dan pantun.

Keindahan ini digambarkan sama ada secara jelas dan terperinci atau secara terselindung bagi maksud-maksud tertentu. Bagi mengenali masyarakat Melayu, perlulah dikenali dan diteliti khazanah ini kerana di dalamnya terkandung falsafah dan pemikiran orang Melayu.

2.2 Takrif Rupa Paras

Rupa paras ialah gambaran zahiriah yang kelihatan atau tersurat bagi seseorang atau sesuatu benda. *Rupa* didefinisikan sebagai perihal atau sifat sesuatu benda yang kelihatan dari luar (Awang Sudjai Hairul 1977). Terdapat kepelbagaian makna perkataan *rupa* ini yang ditakrifkan mengikut konteks yang melatarinya.

Dalam *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan,* definisi *rupa* diberikan sebagai *sikap, tingkah laku, takah* ataupun *apa yang kelihatan;* atau *tampak, wujud, jasmani* dan *keadaan di luar* (1995:1563). *Rupa* juga didefinisikan sebagai *perawakan, sikap, sifat* dan *corak, bangun, bentuk,tokoh,* ataupun *susunan, cara,* atau *gaya* (Zainal Abidin Safarwan 1995:1563). *Rupa* juga lebih ditumpukan kepada *air muka, raut, wajah, tampan muka* dan *paras.*

Paras pula mempunyai definisi yang hampir sama ertinya atau bersinonim dengan *rupa,* iaitu *rupa muka, wajah, air muka* atau *roman muka*(Zainal Abidin Safarwan 1995:1365). Dua perkataan ini sering digandingkan bersama bagi memperkukuh lagi pengertian rupa dan paras. Daripada pengertian-pengertian di atas, *rupa paras* boleh disimpulkan sebagai keadaan lahiriah dan perawakan seseorang atau sesuatu benda yang tampak dan

kelihatan serta dapat ditanggap dengan pancaindera.

Rupa paras merupakan aspek yang sering diperkatakan dalam konsep keindahan. Bagi menggambarkan keindahan rupa paras sering digunakan perkataan-perkataan sinonim seperti *cantik, lawa, elok, kacak, tampan, jelita* dan *rupawan.* Dalam bahasa Melayu, keindahan rupa paras ini juga dipancarkan melalui peribahasa, pantun, atau ungkapan-ungkapan tertentu, sama ada secara tersurat atau tersirat.

Dalam Islam, pengertian keindahan rupa paras bukanlah terletak pada keadaan fizikal semata-mata, bahkan lebih ditekankan kepada keperibadian seseorang. Keindahan rupa paras seseorang itu terpancar daripada keindahan rohaniahnya, dan keperibadian yang mulia lahir daripada kemurnian jiwanya. Keindahan rupa paras ini terpancar daripada air muka yang tenang, perwatakan yang serba sederhana dan bersih, akhlak yang mulia, halus budi bahasanya dan lunak suaranya seperti yang dijelaskan dalam hadis yang berikut:

> "Sesungguhnya orang yang sangat dicintai dan sangat dekat kepadaku pada hari kiamat ialah orang Islam yang paling baik akhlaknya antara kamu sekalian, suka menerima tamu, senang kepada orang dan disenangi orang."
>
> (Ahmad Hufi 1978:80)

Rasullulah s.a.w sendiri pernah menegaskan bahawa keindahan akhlak seseorang itu bukan sahaja terbatas kepada bersedekah dengan harta benda, wang ringgit dan tenaga, malahan berbahasa halus dan bermanis muka juga sebahagian daripada ciri-ciri yang mewarnai keindahan rupa paras seseorang(Mustafa Haji Daud 1995:65), seperti yang dijelaskan dalam hadis yang berikut:

> "Sesungguhnya kamu tidak dapat mencukupi keperluan manusia dengan harta benda kamu sahaja, tapi cukupilah mereka dengan wajahmu yang ramah (manis) dan akhlakmu yang baik."
>
> (Ahmad Hufi 1978:81)

Keindahan rupa paras secara zahiriahnya dinilai dengan pelbagai cara oleh setiap masyarakat di dunia ini. Namun hakikatnya, keindahan rupa paras menjadi pujaan dan daya penarik orang yang melihatnya mengikut persepsi masing-masing. Pelbagai cara sanggup dilakukan bagi mencantikkan rupa paras ini, ditambah pula dengan budaya sesetengah masyarakat yang meletakkan kecantikan sebagai satu perkara yang amat penting dan tinggi nilainya dalam kehidupan seharian.

Kaum Surma di Habshah, umpamanya, menganggap menebuk bibir dan memakai piring di bibir suatu nilai yang tinggi bagi kecantikan seseorang perempuan. Kesannya, perempuan tersebut

akan memperoleh mas kahwin yang banyak. Bagi sesetengah masyarakat di Sarawak pula, cuping telinga yang dihias merupakan lambang kejelitaan. Sejak kecil lagi kanak-kanak ditindik dan dicucuk dengan pelbagai jenis anting-anting. Tindakan ini menyebabkan lubang tersebut semakin besar kerana digantung dengan anting-anting yang berat yang dibuat daripada loyang atau timah hitam (Abu Marwan 1992:66-67).

Pada zaman silam terdapat pelbagai cara dilakukan sebagai usaha untuk mencantikkan seseorang, kebanyakannya kaum wanita. Bagi masyarakat Cina, tanggapan kecantikan seseorang wanita terletak pada kakinya yang kecil dan comel sehingga mereka sanggup membendung kaki anak mereka dengan ketat sejak kecil lagi. Masyarakat Eropah pula sanggup memakai bengkung yang ketat dan sendat bagi mendapatkan bentuk tubuh yang menarik (Muzium Negara 1992-1993).

Contoh-contoh yang disebutkan di atas menunjukkan bahawa terdapat pelbagai cara keindahan rupa paras ditakrifkan dan pelbagai cara pula dilakukan untuk memiliki keindahan tersebut kerana nilai keindahan itu penting dalam setiap masyarakat di dunia ini. Namun begitu, takrifan konsep keindahan berbeza-beza mengikut pandangan dunia masing-masing.

2.3 Aspek Keindahan Rupa Paras Dalam Masyarakat Melayu

2.3.1 Keindahan Rupa Paras Manusia

Rupa paras merupakan aspek yang sering diperkatakan dalam membincangkan konsep keindahan. Bagi masyarakat Melayu, konsep keindahan rupa paras ini terpancar indah dalam gambaran yang terperinci dan amat teliti. Masyarakat Melayu amat peka dengan apa yang ditanggapi oleh pancainderanya yang menjadi daya penarik seseorang, terutamanya wanita.

Gambaran keindahan rupa paras orang Melayu ini dihuraikan dengan amat jelas dan terperinci dari hujung rambut hingga ke hujung kaki, yang secara tidak langsung menyerlahkan kebijaksanaan orang Melayu dalam menghayati keindahan. Penghayatan ini terpancar dalam contoh-contoh pengungkapan yang akan diperturunkan di bawah ini.

(i) Rambut

Rambut bukan sahaja menjadi penyeri seseorang, malah dapat mengubah penampilan wajahnya. Ini bertepatan dengan bidalan Melayu yang menyatakan bahawa rambut itu mahkota wanita dan menjadi lambang keanggunan seseorang wanita Melayu. Secara umumnya, terdapat tiga jenis rambut yang biasa dimiliki

seseorang, iaitu lurus, berombak semula jadi atau mengerbang (Aida Osman 1998:111).

Rambut lurus dan kejur merupakan jenis rambut yang biasanya dimiliki oleh lelaki Melayu yang dianggap cantik oleh masyarakat Melayu. Terdapat pujian-pujian terhadap orang yang memiliki rambut sebegini, antaranya seperti yang tergambar dalam pantun berikut: .

Kacang sepat kaki melila,
Orang meraih di Lubuk Johor;
Di mana tempat hati gila,
Hitam manis *rambutnya kejur.*

(KK:461)

Rambut yang lebat dan sedikit berombak merupakan rambut yang paling cantik dan sesuai digayakan dengan apa jua potongan. Rambut yang cantik beralun ini kerap mendapat perhatian dalam masyarakat Melayu sehingga melahirkan simpulan bahasa khusus, iaitu *rambut ikal mayang.* Keindahan rambut yang lebat merupakan daya tarikan utama wanita Melayu seperti yang terpancar dalam pantun yang berikut:

Sirih kuning permatang tebat,
Jangan beli pangkalan panjang;
Putih kuning *rambutnya lebat,*
Jangan diberi berjalan seorang.

(KPM:284)

Rambut wanita Melayu bukan sahaja lebat bahkan panjang mengurai. Bagi masyarakat tradisional Melayu rambut wanita perlulah panjang dan jarang sekali dipotong pendek. Keanggunan seseorang wanita akan bertambah dengan rambutnya yang terurai panjang, seperti yang dijelaskan dalam pantun ini:

Mentadak mentadu hijau,
Bersarang di atas manggis;
Adik berbaju hijau,
Rambut terhurai di pandang manis.

(KPM:237)

Rambut yang lebat dan panjang membolehkan seseorang itu mendandan rambutnya dengan senang dan cantik dalam pelbagai gaya. Dandanan yang paling anggun bagi wanita Melayu ialah secara menyanggul. Terdapat pelbagai bentuk sanggul

dalam budaya Melayu, antaranya, *sanggul pandan, sanggul tegang* (Nya Chalida Fachruddin 1989:8), *sanggul melintang* dan *sanggul sendeng*(Kurik Kundi Merah Saga 1990).

(ii) Mata

Mata merupakan daya penarik utama seseorang di samping senyuman. Bahagian mata yang sering menjadi tarikan ialah kening. Bentuk kening yang cantik ialah yang *lentik bagai berladung* (KK:47) atau *laksana taji dibentuk* (KIP:120). Kening yang cantik juga mendapat jolokan sebagai *kening kiliran taji* (KU:856). Daya tarikan mata ini diserlahkan lagi dengan jelingan manja yang menjadi bahasa badan yang berkesan dalam menarik perhatian orang lain.

Puji-pujian diberikan kepada wanita yang jelingannya menarik perhatian, yang dikatakan *kerlingnya bagai pelitakan padam*(KIP:107). Keindahan liuk lentuk api pelita dibandingkan dengan kerlingan mata. Terdapat pelbagai cara menjeling dalam masyarakat Melayu yang dipancarkan melalui simpulan-simpulan bahasa, seperti *jelingan manis*, iaitu melihat dengan senyum; *jelingan manja*, iaitu memandang dengan ekor mata yang penuh kemanjaan; dan *jelingan mata*, iaitu mengerling-ngerlingkan mata atau *bermain mata* (KU:723).

PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

A510789570

(iii) Senyum dan Tawa

Jelingan pula tidak lengkap jika tidak disertai lirik senyuman dan tawa. Orang Melayu yang sentiasa tersenyum akan bertambah kecantikan dan daya penariknya, malah akan disenangi orang. Terdapat pelbagai cara tersenyum dalam masyarakat Melayu yang terpancar dalam simpulan bahasa, seperti *senyum manis, senyum madu* dan *senyum melirik* (KU:1690).

Seseorang yang sentiasa tersenyum juga boleh menyembunyikan keresahan atau kesusahannya di sebalik manis senyumannya, seterusnya sentiasa menyenangkan hati orang lain yang melihatnya. Itulah sifat terpuji orang Melayu yang sentiasa tenang, tabah dan ber*manis muka* seperti yang digambarkan dalam pantun di bawah:

Masak ranum si asam kandis,
Di tepi kolam haluan perahu;
Gelak senyum kupandang manis,
Hati di dalam siapa tahu .

(KPM : 244)

Gabungan jelingan, senyuman dan tawa melengkapkan rupa paras yang manis seperti yang digarap keindahannya dalam pantun di bawah:

Limau manis condong ke keling,
Sudah ke Keling, ke Jawa pula;
Hitam manis duduk menjeling,
Sudah menjeling tertawa pula.

(MTP:58)

(iv) Tutur Kata

Bibir yang cantik umpama *delima merekah* tidak lengkap hanya dengan senyuman semata-mata tetapi daripadanya haruslah lahir ucapan-ucapan yang manis dan sedap didengar. Suara yang merdu dan lunak diumpamakan *bangsi buluh perindu* (KIP:186) dalam masyarakat Melayu. Tutur kata yang indah dan lemah-lembut akan berupaya menambat hati orang yang mendengarnya, seperti digambarkan dalam pantun yang berikut:

Sirih sekapur lenggang Encik Kobat,
Beri makan Raja Ali;
Tutur sepatah laksana syarbat,
Manis terpaku di jantung hati.

(MTP:75)

(v) Pipi

Pipi yang gebu, halus dan licin bak *pauh dilayang* atau *laksana gading dicanai*(KU:1442) merupakan ciri-ciri pipi

yang cantik bagi seseorang dalam masyarakat Melayu. *Lesung pipit* (KU:1053) pula merupakan pelengkap kepada kecantikan seseorang, di samping berfungsi sebagai penyeri wajah. Wajah yang memiliki *lesung pipit* di pipinya kerap menjadi perhatian, lebih-lebih lagi apabila tersenyum yang menyerlahkan *lesung pipit*nya.

(vi) Susuk Tubuh

Susuk tubuh atau bentuk tubuh orang Melayu, terutama wanita, digambarkan secara terperinci dan amat indah oleh orang Melayu. Bahagian-bahagian tubuh badan yang sering menjadi perhatian ialah leher, dada, lengan, betis, dan pinggang.

Ciri-ciri bentuk badan orang Melayu, khususnya wanita, digambarkan sebagai bertubuh *kecil molek* dengan *lehernya jinjang, berdada bidang* dan ber*pinggang kecil*. Ciri-ciri ini digambarkan dengan jelas dalam khazanah sastera Melayu lisan.

Leher yang cantik bagi orang Melayu ialah yang jinjang bentuknya. Bagi gadis yang mempunyai leher yang elok, licin dan bulat dikatakan mempunyai *leher bagai gading dilarik* (KU:1027). Bentuk dada orang Melayu yang cantik pula

digambarkan sebagai yang ber*dada bidang*, iaitu dada yang lebar dan luas (KU:381). Bagi wanita Melayu, keindahan bentuk dada bukan sahaja terletak pada bentuknya yang bidang, bahkan ditambah lagi dengan bentuk buah dadanya yang menonjol, seperti yang tergambar dalam pantun di bawah:

Tanam padi di bukit Jeram,
Tanam keduduk atas batu;
Macam mana hati tak geram,
Menengok *tetek menolak baju*?

(APM:4)

Bentuk pinggang yang cantik bagi wanita Melayu ialah yang berbentuk kecil atau ramping. Pinggang yang amat ramping dikatakan sebagai *pinggang kerengga* (KU:1440) atau *pinggang secekak jari manis* (Hikayat Awang Sulung Merah Muda:34).

Pada keseluruhannya, bentuk badan orang Melayu digambarkan sebagai *kecil molek*. *Kecil molek* di sini bermaksud bukan semata-mata kecil malah molek, iaitu terbentuk indah dan sempurna. Oleh sebab itulah kosa kata *kecil* sering digunakan bersama kosa kata *molek* yang bererti bentuk badan yang sempurna elok walaupun kecil. Contohnya terpancar dalam pantun yang berikut:

Mentimun betik dari ladang,
Mari dicecah dengan kuku;
Kecil molek abang nak pulang,
Mari dihantar hingga ke pintu.

(KPM:279)

Bagi meninggalkan kesan kecantikan yang lebih mengharukan, orang Melayu suka menggunakan bentuk-bentuk bandingan dalam menggambarkan kecantikan bahagian-bahagian tubuh ini seperti *lengan bagai lilin dituang* (KIP:123); *jarinya tombak serai, betisnya bunting padi, tumitnya umpama telur burung* (Hikayat Raja Muda 1970:98), dan *seperti dicanai rupanya,* serta *berkilat kening* (KU:321).

Gambaran yang digarap indah bagi menghuraikan kecantikan seorang wanita dapat dilihat dengan jelas dalam ungkapan-ungkapan yang berbentuk bandingan yang sering terdapat dalam bahasa berirama dalam cerita-cerita hikayat. Ungkapan-ungkapan dalam bahasa berirama ini juga menjadi perumpamaan-perumpamaan yang meniti bibir masyarakat Melayu dalam memuji kecantikan wanita. Garapan indah ini dapat dilihat dalam contoh di bawah:

Tubuh kecil rendah rambunai,
Muka bujur daun sirih,
Dahi sehari bulan,
Kening bentuk taji,
Hidung kuntum seroja,
Telinga telipuk kayu,
Pipi pauh dilayang,
Bibir pati dicarik,
Gigi delima merekah,
Leher gamba dilarik,
Dadanya bidang awak,
Rambut ikal mayang seludang,
Panjang labuh sampai tumit,
Hitam berkilat bagai dakwat,
Lengannya baur panah,
Jarinya tombak serai,
Pinggangnya secekak jari manis,
Paha seperti paha belalang,
Betisnya bunting padi,
Tumitnya telur burung.

(Hikayat Raja Muda 1970:98)

Dalam contoh di atas dapat dilihat betapa indahnya gambaran yang menghuraikan kecantikan wanita Melayu yang

sempurna dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Gambaran ini membuktikan betapa telitinya orang Melayu dalam memerhati dan menilai keindahan rupa paras. Begitu juga dengan kecantikan lelaki yang tidak terlepas daripada pemerhatian orang Melayu, seperti yang tergambar dalam bahasa berirama yang berikut:

Akan paras putera sukma,
Malu ditentang bulan purnama,
Haram tak dapat digambar peta,
Sehari bulan dahinya itu,
Malam yang kelam menjadi seri,
Laksana dewa turun menjelma,
Lama ditantang lenyap di mata,
Taji dibentuk keningnya tentu,
Laksana bulan empat belas hari.

(Syed Ahmad Jamal 1989:8)

(vii) Warna Kulit

Warna kulit yang sering disebut dalam masyarakat Melayu ialah warna *putih kuning* dan *hitam manis* (Za'ba:161). Kedua-dua jenis warna kulit ini dianggap cantik dalam masyarakat Melayu. Terdapat juga warna kulit lain yang dianggap kurang menarik seperti *putih pucat, putih lesi* dan

hitam legam (KU, 1995). Dalam cerita-cerita hikayat, puteri diraja dan wanita-wanita daripada golongan atasan dikatakan mempunyai warna kulit yang cerah; yang datang daripada golongan menengah digambarkan sebagai berkulit *hitam manis,* dan yang datang daripada golongan bawah digambarkan berkulit *hitam* atau *hitam legam* (Asmah 1993:164).

Warna putih dan hitam merupakan dua warna yang amat berbeza. Dalam pemikiran orang Melayu putih digambarkan sebagai perkara atau benda yang baik, manakala hitam pula digambarkan sebaliknya. Namun begitu, kulit yang amat putih tidak menarik kerana kelihatan pucat. Warna putih yang kekuningan atau kemerahan menjadikan kulit seseorang itu cantik, khususnya wanita.

Selain *putih kuning,* warna kulit ini juga disebut *kuning langsat* (KU:954), manakala warna kulit yang amat putih disebut pula *putih melepak* (Za'ba:159). Warna kulit yang biasa bagi orang Melayu ialah *kulit sawo matang* (KU:950). Perbezaan pandangan orang Melayu tentang warna ini juga turut mempengaruhi sikap mereka. Orang Melayu lebih suka kepada wanita berkulit cerah, walaupun pada masa yang sama kulit *hitam manis* itu dikatakan lebih cantik daripada *putih kuning* (Asmah 1993:164). Gambaran tersebut terpancar dalam contoh pantun yang berikut:

Hitam-hitam si tampuk manggis,
Sayang kemuning luruh bunganya;
Hitam-hitam kupandang manis,
Putih kuning apa gunanya.

(KPM : 247)

Pantun di atas membuktikan orang Melayu amat pandai menghargai keindahan, walaupun masih dipengaruhi dengan mitos di sebalik warna putih dan hitam. Namun begitu, jelas di sini bahawa konsep keindahan itu terungkap melalui pandangan dan pemikiran masing-masing. Walaupun hitam itu sesuatu yang buruk bagi orang Melayu, ada warna hitam yang apabila dipandang dan dihayati, terselit keindahan yang menarik perhatian.

(viii) Cara Berjalan

Rupa paras yang indah tidak lengkap tanpa adab sopan dan budi pekerti yang mulia. Masyarakat Melayu amat menitikberatkan adab sopan dalam setiap tindakan dan gerak-geri. Cara mengatur langkah dan setiap gerak-geri diperhatikan. Keindahan yang terpancar daripada adab sopan yang diamalkan menjadi tarikan ramai dan tentunya mendapat pujian hingga mencetuskan pelbagai bidalan dan peribahasa yang tergarap keindahan tersebut.

Orang Melayu mengasuh anak perempuan sejak dari kecil supaya tidak bertindak kasar tetapi perlu lembut dan bersopan santun (Roziah Omar 1994:23). Setiap langkah perjalanan dan gerak-geri perempuan Melayu diatur dengan baik dan lemah lembut tetapi tidak terlampau lambat dan tidak terlampau cepat, malah kuat dan cekap seperti terpancar dalam perumpamaan yang berikut:

Semut dipijak tak mati,
antan dilanda patah tiga.

(KIP:183)

Gaya perjalanan seorang perempuan Melayu yang amat menarik diumpamakan *seperti penjajap berpaling hendak ke hilir* (KIP:194) atau *seperti kapal tiang tiga* (KIP:190). Keindahan perjalanan seorang perempuan Melayu dilambangkan sebagai penjajap, iaitu kapal perang orang Melayu yang hendak berpaling.

2.4 Cara Keindahan Dipancarkan

2.4.1 Secara langsung

Keindahan dipancarkan melalui pengungkapan Melayu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Keindahan yang

dipancarkan secara langsung tidak memerlukan seseorang itu meneliti maksud dalamannya kerana maksudnya sudah tersurat. Biasanya keindahan ini dipancarkan dengan menggunakan kosa-kosa kata yang sinonim dengan perkataan *indah*. Perkataan sinonim terdiri daripada perkataan yang mempunyai makna yang sama tetapi tidak semestinya seratus-peratus sama (Abdullah Hassan 1980:241).

Begitu juga dengan perkataan *indah* yang sering wujud dalam penggantiannya dengan perkataan-perkataan sinonim yang sesuai dengan konteks yang melatarinya. Medan maknanya boleh berubah dan diperluas akibat faktor persekitaran dan deskripsi jiwa yang menghayatinya tetapi tetap membawa maksud yang berasaskan pengertian yang sama, iaitu *indah*. Perkataan *indah* ini sering digantikan dengan perkataan-perkataan seperti *cantik, tampan, kesuma, elok, molek, jelita, manis, majlis, bahari, kirana* dan *sani*. Penggantian perkataan sinonim ini boleh dilihat dalam contoh-contoh pengungkapan Melayu yang akan dibincangkan seterusnya.

Kosa kata *tampan* biasanya digunakan untuk menyatakan keindahan rupa paras lelaki. Ketampanan rupa paras akan lengkap dengan disertai keelokan gaya dan perwatakan, seperti yang dipancarkan oleh peribahasa yang berikut:

Tampan sudah, langgam terbawa

(KIP:211)

Peribahasa di atas secara langsung memuji ketampanan seorang lelaki yang sudah tidak ada cacat celanya. Selain perkataan *tampan, segak* juga sering digunakan bagi menggambarkan keindahan rupa paras lelaki. Gambaran ini jelas tersurat dalam perumpamaan yang berikut:

Segak macam bidadari

(KU:1623)

Bagi wanita Melayu pula, rupa paras yang indah sering digambarkan dengan kosa kata sinonim seperti *jelita, molek, lawa, cantik, anggun* dan *ayu.* Kadang kala kosa kata ini dicantumkan membentuk frasa yang menguatkan lagi nilai keindahan tersebut, seperti *molek jelita* (KK:9). Perkataan manis juga menggambarkan sesuatu atau seseorang yang indah bersesuaian dengan rasa manis tersebut yang enak dan sedap. Rupa yang manis semestinya indah dan sedap mata memandang.

Keindahan akan lebih terserlah lagi apabila perkataan manis digabungkan dengan perkataan lain membentuk simpulan bahasa, seperti *cantik manis,* yang bermaksud gadis

jelita (KU:321), dan *muka manis,* iaitu wajah yang berseri (KU:1179). Simpulan bahasa ini memancarkan keindahan rupa paras seorang perempuan yang bukan sahaja manis malah cantik, seperti yang tergambar dalam pantun berikut:

Anak beruk di kayu rendang,
Turun mandi di dalam paya;
Hodoh buruk di mata orang,
Cantik manis di mata saya.

(KPM:273)

2.4.2 Secara Tidak Langsung

Orang Melayu terkenal dengan kehalusan budi bahasanya termasuk dalam mengungkap buah fikiran. Tidak semua pendapat boleh diutarakan secara langsung, malah perlu berlapik dan berhati-hati. Orang Melayu akan berkias ibarat dalam menyampaikan buah fikirannya agar tidak menyentuh perasaan mana-mana pihak, walaupun pendapat tersebut berbentuk puji-pujian.

Hal ini dilakukan bagi mengelakkan timbulnya perasaan riak dan takabur. Bagi menyampaikan maksud tersebut mereka menggunakan lambang-lambang tertentu bagi mewakilinya.

(i) Secara Perlambangan

Unsur perlambangan ini selalunya digunakan dalam peribahasa yang berbentuk perumpamaan. Perumpamaan terbentuk hasil daripada perbandingan (analogi) antara dua perkara, iaitu menyatakan sesuatu maksud dengan membandingkan atau mengumpamakan dengan suatu perkara lain yang seumpama dengannya (Keris Mas 1988:136).

Perbandingan ini biasanya menggunakan perkataan pembanding *seperti* atau *bagai* atau perkataan-perkataan lain yang seperti itu untuk menggambarkan ada kiasan antara apa yang dimaksudkan dengan apa yang menjadi bandingannya. Namun begitu, terdapat juga perumpamaan yang meninggalkan kata perbandingan tersebut (Keris Mas 1988:136).

Orang Melayu amat peka terhadap alam sekeling yang menjadi sumber pemerhatiannya. Perumpamaan yang lahir daripada pemerhatian mereka ini sebenarnya dianologikan kepada maksud keadaan yang sebenar. Dalam mengungkapkan keindahan, orang Melayu menggunakan imej-imej tertentu yang sememangnya indah dalam pemerhatian mereka dan dikiasibaratkan kepada maksud sebenarnya yang juga indah.

(a) Hasil Daripada Pemerhatian Keindahan Alam

Pemikiran orang Melayu jelas mencerminkan hubungan yang erat dengan dunia persekitarannya. Orang Melayu amat peka dengan unsur-unsur alam akibat keperluan dan penggantungan hidup seharian mereka terhadap alam. Kekayaan alam sekitar dengan sifat-sifatnya dijadikan unsur perbandingan dalam peribahasa dan puisi lama. Imej yang selalunya menjadi lambang mewakili keindahan ialah tumbuhan dan bahagian-bahagiannya yang penting dan sememangnya tersurat keindahannya, seperti *bunga, lenggundi, pimping, rumput muda, buluh,* dan *pinang.*

Bunga merupakan imej yang paling kerap digunakan dalam melambangkan keindahan. Makna denotatif bagi *bunga* ialah bahagian tumbuhan untuk pembiakan, biasanya berwarna terang dan berbau harum (Kamus Dewan 1994:188), manakala makna konotatifnya boleh berupa kasih sayang, kebanggaan atau keindahan. Sifat bunga itu sendiri yang bukan sahaja cantik dan berwarna-warni bahkan berbau harum menjadi perbandingan bagi orang Melayu dalam menggambarkan keindahan. Contohnya:

Bunga tengah kembang di taman,
baunya merebak ke mana-mana.

(KIP:55)

Secara tersurat dapat dibayang betapa indahnya sekuntum bunga yang sedang berkembang di sebuah taman dengan baunya yang harum semerbak. Makna yang tersirat di sebalik keindahan sifat bunga tersebut pula ialah gambaran kecantikan seorang gadis yang telah gah ke mana-mana. Rupa paras yang sangat elok, cantik dan bersemarak pula diibaratkan sebagai *yang-yang kesuma* (KU:1564).

Perumpamaan yang berikut juga diungkap dengan indah dan meninggalkan kesan mengharukan serta membawa maksud tersirat yang juga indah.

> Seumpama *bunga* di gaung batu, taruk
> kaca tangkainya embun.
>
> (KIP:198)

Secara tersurat dapat difahami bahawa bunga yang dalam kedudukan begitu, amat indah keadaannya tetapi sukar untuk diperoleh memandangkan kedudukannya yang terletak di gua batu yang berkaca dengan tangkainya pula daripada embun.

Terdapat maksud dalamannya yang terselindung di sebalik perumpamaan itu yang dibandingkan dengan seorang gadis cantik yang terjaga baik dan tak mudah didekati. Bunga yang bertangkai embun ini pula diibaratkan sebagai *bunga di*

kayangan. Oleh itu, gadis cantik yang diibaratkan sebagai bunga kayangan ini sukar didekati walaupun menjadi idaman ramai. Keindahan perlambangan ini terserlah dalam pantun yang berikut:

Orang berhuma di Pulau Bulangan,
Asap api tabun-menabun;
Tuan laksana *bunga kayangan,*
Kuntum kesturi *tangkainya embun.*

(KPM:197)

Selain *bunga,* terdapat juga unsur tumbuh-tumbuhan yang menjadi perhatian orang Melayu untuk dijadikan perbandingan. Contohnya:

Lampai bagai *pimping* di lereng, lemah
bagai *lenggundi* muda.

(KIP:120)

Dalam perumpamaan di atas tersirat puji-pujian terhadap perempuan yang cantik potongan tubuhnya. Jelas di sini bahawa tumbuhan yang muda dan segar menjadi lambang keindahan. Hal ini diperkuat lagi dengan peribahasa yang berikut:

Terambau kerbau kerana *rumput muda.*

(KIP:215)

Secara tersurat dapat difahami dan dibayangkan bagaimana seekor kerbau berusaha untuk mendapatkan rumput muda hingga tersembam atau termasuk jurang. Kias ibarat ini ditujukan kepada lelaki yang mudah tergoda atau rosak kerana melihat perempuan muda yang elok.

Buah kelapa atau nyiur dan buah pinang juga sering menjadi lambang keindahan, contohnya, simpulan bahasa *nyiur gading,* melambangkan anak gadis yang comel(KU:1222). Buah pinang pula sering dijadikan lambang kesepadanan antara dua insan, sama ada suami isteri atau kekasih, seperti terpancar dalam contoh-contoh perumpamaan yang terdapat dalam pantun-pantun di bawah:

Kain batik baju batik,
Batik datang dari Jawa;
Adik cantik abang cantik,
Bagai pinang belah dua.

(KPM:263)

Burung jelatik burung jeladan,
Mencari sarang burung tempua;
Sama cantik sama padan,
Seperti pinang dibelah dua.

(KPM:284)

Selain unsur tumbuh-tumbuhan, imej dari cakerawala juga sering digunakan dalam pengungkapan Melayu sebagai lambang keindahan. Unsur-unsur tersebut ialah *bulan* dan *bintang*. Sifat semula jadi *bulan* dan *bintang* itu sendiri, yang memancarkan cahayanya menghiasi langit pada waktu malam dengan indahnya menyebabkan kedua-duanya dipilih menjadi lambang keindahan dalam masyarakat Melayu. Perumpamaan di bawah memancarkan kesan keindahan ini secara tersurat dan tersirat:

Umpama *bulan* berpagar *bintang.*

(KIP:52)

Secara tersuratnya dapat digambarkan betapa indahnya pemandangan malam dengan bulan terang yang dikelilingi pula bintang-bintang yang bersinar memancarkan

cahaya keindahannya ke muka bumi. Kehadiran bintang-bintang tersebut menambahkan lagi keindahan bulan dan pemandangan di dada langit. Maksud dalaman yang tersirat di sebaliknya ialah kias ibarat terhadap gadis yang sememangnya cantik dan apabila dikelilingi pula oleh gadis-gadis cantik yang lain, akan kelihatan lebih cantik lagi (KU:281). Konsep keindahan dikiasibaratkan dengan bulan terang ini juga turut terpancar dalam pantun-pantun Melayu seperti contoh di bawah:

Kalau tuan pergi ke bendang,
Jangan dipetik buah rumbia;
Tuan laksana *bulan yang terang,*
Cahaya liput serata dunia.

(KPM:260)

Seumpama sifat bulan terang yang cahayanya menerangi serata alam, begitu juga dengan kecantikan seseorang yang pastinya tersebar ke serata tempat. Dalam pemikiran orang Melayu, seperti juga dengan tumbuhan, sesuatu yang muda atau baharu sememangnya cantik; tak terkecuali juga sifat *bulan muda,* iaitu bulan yang belum penuh, *bulan perbani* atau bulan yang makin hari makin besar (KU:281), seperti terungkap dalam pantun di bawah:

Cap-cap jatuh ke tebing,
Hendak menyampai ke mayang muda;
Letak tertenggek jatuh di kening,
Seperti *bulan mengambang muda.*

(KPM:185)

Perhatikan betapa indahnya gambaran yang terpancar daripada pantun di atas, iaitu bagaimana keadaan bulan yang baharu hendak mengambang, yang dikiasibaratkan kepada kecantikan seseorang. Simpulan bahasa *bulan penuh* atau *bulan purnama* juga melambangkan wanita yang jelita (KU:281). Unsur bintang selalunya digarap bersama bulan untuk memancarkan konsep keindahannya. Namun begitu, unsur bintang juga boleh dikarang menjadi pantun yang menggambarkan keindahan tanpa kehadiran bulan.

Turun di taman baharu dipetik,
Anak merak terbang melayang;
Cahaya sungguh *bintang belantik,*
Bintang timur pengarak siang.

(KPM:177)

Sesungguhnya perbendaharaan bahasa Melayu amat kaya, sehinggakan bintang juga ada penjenisannya. *Bintang belantik* atau *bintang tiga beradik* dan *bintang timur* (KU:243) menjadi

lambang keindahan. *Bintang belantik* yang wujud serangkai tiga amat indah cahayanya; begitu juga *bintang timur* yang muncul di waktu subuh sebagai pengarak atau penyambut waktu siang. Keindahan bintang ini dipancarkan sebagai lambang keindahan rupa paras wanita.

(b) Hasil Daripada Tanggapan Pancaindera

Orang Melayu bukan sahaja mengambil contoh daripada pemerhatian indera penglihatan, tetapi turut peka terhadap apa sahaja yang ditanggapi oleh pancaindera lain, iaitu pendengaran, bau, rasa dan sentuhan. Segala hasil daripada tanggapan pancaindera ini memerlukan bahasa untuk menamakannya seperti suara yang merdu, bau yang harum, rasa yang manis, dan sentuhan yang lembut.

Melalui pemerhatian terhadap sifat-sifat alam ini, orang Melayu menamakan sifat-sifat tersebut dengan mengambil sumber-sumber alam sebagai rujukan kepada keindahan. Imej *gula, madu, sarbat janggi, sakar* dan pelbagai lagi sumber alam yang menghasilkan rasa manis melambangkan keindahan, terutamanya keindahan suara. Contohnya:

Laut madu berpantaikan *sakar.*

(KIP:121)

Bayangkanlah betapa manisnya sebuah lautan *madu* yang dikelilingi pula oleh bahan pemanis lain, iaitu *sakar* atau *gula*. Dalam perumpamaan ini tersirat pujian terhadap seseorang yang bukan sahaja manis perkataan yang keluar daripada mulutnya, malah baik rupa parasnya.

Percakapan yang lemah lembut dan menarik pula terpancar dalam simpulan bahasa *gula batu* (KU:559). Konsep rasa manis yang menjadi lambang keindahan ini juga terpancar dalam himpunan pantun-pantun Melayu, umpamanya:

Buah mengkudu kusangka kandis,
Kandis terletak di dalam puan;
Gula madu kusangka manis,
Manis lagi senyuman tuan.

(KPM:244)

Betapa orang Melayu menilai keindahan sehingga membandingkan kemanisan senyuman lebih daripada manisnya *gula madu* yang memang terbukti amat manis. Simpulan bahasa *manis bangun* pula ditujukan kepada orang yang mempunyai wajah yang sedap dipandang, cantik dan segak (KU:1124). Puji-pujian terhadap keindahan atau 'kemanisan' rupa paras ini turut terserlah dalam pantun di bawah:

Pukul nobat tiup nafiri,
Hendak tabal raja di Kelang;
Tuan laksana *serbat janggi,*
Tujuh tahun manis tak hilang.

(KPM:291)

Bagi menggambarkan kecantikan suami isteri yang sama-sama elok rupa parasnya, orang Melayu menggunakan imej *gula derawa*, iaitu air gula manis.

Manis laksana *gula derawa*

(KIP:129)

Selain deria rasa dan penglihatan, kepekaan orang Melayu terbukti melalui penciptaan-penciptaan pengungkapan yang juga bersumberkan pelbagai tanggapan pancaindera lain seperti bau, pendengaran dan sentuhan. Keharuman juga merupakan sesuatu yang indah bagi orang Melayu. Sering kali keharuman bau bunga menjadi lambang keharuman bau wanita idaman, seperti terpancar dalam pantun yang berikut:

Selat dinding Tanjung Berkura,
Tempat Cik Yop berkedai belanja;
Putih kuning pinggangnya kecil,
Pipi dicium berbau bunga.

(KPM:255)

Kemerduan suara yang ditanggapi oleh pancaindera pendengaran pula dibandingkan dengan merdunya alunan suara daripada tiupan serunai atau buluh perindu. Suara yang indah, iaitu lemah lembut dan merdu, diibaratkan *seperti bangsi buluh perindu* (KIP:186). Alunan merdu dari serunai atau bangsi buluh perindu tentunya mengusik jiwa dan meninggalkan kesan yang mengharukan, dan dikias ibarat kepada suara merdu seorang manusia.

Melalui deria sentuhan pula, sesuatu yang lembut, licin dan halus sudah semestinya sedap dipegang. Keadaan ini menimbulkan kesan yang indah di jiwa orang Melayu. Rupa yang cantik diumpamakan *rupa diraut* (KPM:284). Bagi sesuatu benda yang diraut, contohnya buluh, semestinya licin, halus, dan cantik. Perkataan licin hasil tanggapan deria sentuhan juga mewujudkan simpulan-simpulan bahasa yang menggambarkan rupa yang cantik, seperti *licin dahi* dan *licin kening* (KU:1057).

(c) Hasil Daripada Hubungan Dengan Alam Sekeliling

Orang Melayu mempunyai hubungan yang erat dengan alam sekelilingnya. Segala benda yang wujud di sekeliling mereka yang digunakan sehari-hari menjadi sumber inspirasi dalam penciptaan pengungkapan. Orang Melayu bukan sahaja menggunakan benda dan peralatan di sekelilingnya untuk

kepentingan sendiri,bahkan turut peka dengan sifat benda-benda tersebut terutamanya yang mempunyai nilai-nilai keindahan. Benda-benda yang wujud di sekeliling mereka berserta sifat-sifatnya menjadi imej yang boleh dikiasibaratkan kepada sifat-sifat manusia.

Pelita, umpamanya, mempunyai hubungan yang erat dengan orang Melayu pada zaman dahulu. *Pelita* yang tugasnya menerangi kegelapan malam menjadi sumber pengamatan orang Melayu yang peka dengan keindahan yang terpancar daripada sifat-sifat *pelita*. Hal ini dibuktikan melalui perumpamaan yang berikut:

Kerling bagai *pelita*kan padam

(KIP:107)

Peribahasa ini ditujukan kepada perempuan cantik yang menarik kerlingannya seumpama *pelita* yang hampir padam, iaitu dengan liuk-lentuk apinya yang amat indah. Selain *pelita*, *lilin* juga merupakan alat penting dalam setiap rumah orang Melayu. *Lilin* digunakan bukan sahaja sebagai penerang kegelapan malam, malah sebagai alat mencanting yang dituang menggunakan sibur kecil. Sifat *lilin* yang licin dan halus dibandingkan dengan lengan yang cantik seperti peribahasa yang berikut:

Lengan bagai *lilin* dituang.

(KIP:123)

Orang Melayu juga akrab dengan pekerjaannya. Semasa bekerja orang Melayu bukan sahaja menumpukan perhatian kepada pekerjaannya bahkan juga memerhatikan segala peralatan yang berkaitan. Ketelitian dan kepekaan ini menjadikan mereka pakar dalam sesuatu bidang. Pekerjaan orang Melayu biasanya berkaitan dengan pertanian, perdagangan, pelayaran dan juga kraftangan.

Cupak yang juga dikenali sebagai takar atau guri digunakan sebagai alat ukuran dalam perdagangan. Biasanya, *cupak* digunakan untuk menyukat bahan-bahan bijirin, terutamanya beras. Imej *cupak* digunakan dalam perumpamaan di bawah yang melambangkan gaya langkah seorang perempuan yang lemah lembut:

Lengggang lenggok bagai *cupak* hanyut.

(KIP:123)

Mungkin ada benda lain yang boleh dibuat perbandingan, tetapi orang Melayu memilih *cupak* yang rapat dengan kehidupannya. Keadaan *cupak* yang hanyut kelihatan terumbang-ambing mengikut arus air yang mengalir dengan lembut dan indah dari kaca mata orang Melayu.

Orang Melayu juga terkenal dalam dunia pelayaran. Seperti yang telah diutarakan, banyak peribahasa dan pantun yang berkisarkan dunia pelayaran, seperti *laut, sungai* dan *air.* Pemerhatian yang teliti terhadap alunan air dan cara air menghanyutkan sesuatu yang amat indah dibuat perbandingan, seperti perumpamaan di bawah:

Seperti *kapal* tiang tiga.

(KIP:190)

Dalam perumpamaan di atas, gaya perjalanan seseorang perempuan yang amat menarik dan gerak-gerinya yang lemah lembut dibandingkan dengan pergerakan *kapal* yang bergerak mengikut alunan ombak yang indah dari kaca mata orang Melayu. Namun begitu, pergerakan seseorang perempuan bukan digambarkan hanya berlemah-lembut, malah tegap dan gagah.

Bagi menggambarkan cara seorang perempuan yang berjalan keluar rumahnya dengan hebat dan menarik, orang Melayu menggunakan imej *penjajap,* iaitu kapal perang orang Melayu.

Seperti *penjajap* berpaling hendak hilir

(KIP:194)

Dalam perumpamaan di atas dapat digambarkan bagaimana sebuah kapal yang hendak mengubah haluannya, tentunya bergerak perlahan tetapi teliti. Tambahan pula, kapal tersebut merupakan kapal perang yang tentunya tegap dan kuat.

Orang Melayu juga terkenal sebagai tukang tenun dan tukang emas yang handal. Tenunannya pula terdiri daripada pelbagai jenis. Antara yang terkenal ialah tenunan songket. Kain *songket* memang merupakan kain yang mahal dan cantik, tetapi antaranya pula ada lagi jenis-jenisnya yang lebih mahal seperti *songket emas*. Oleh sebab nilainya yang mahal dan indah buatannya, songket emas hanya mampu dimiliki orang tertentu sahaja. Begitu jugalah nilai seorang gadis yang cantik seindah *songket emas* yang gemerlapan cahayanya, seperti terpancar dalan pantun di bawah:

Kalau pergi ke Teluk Mas,
Berhenti di bawah pohon terap;
Tuan umpama *songket emas*,
Terang cahaya merelap-relap.

(APM:292)

Selain songket, kain *cindai* juga mendapat tempat yang istimewa bagi orang Melayu. Walaupun kain *cindai* mahal

harganya tetapi boleh digunakan dengan selesa dan tahan lama. Begitu juga perumpamaan terhadap seorang isteri yang dikahwini setelah melalui pelbagai rintangan tetapi akhirnya membuahkan kebahagiaan.

Cabaran kapal bertimbang arus,
Patah kemudi sepanjang pantai;
Tuan laksana *cindai* halus,
Alah membeli menang memakai.

(APM:67)

Cabaran dan rintangan tersebut bukan sahaja terdapat dalam maksud pantun, malah jelas tergambar dalam pembayangnya, bagaimana sebuah pelayaran yang tetap diteruskan walaupun kemudinya patah sepanjang pantai. Betapa indahnya gambaran ini seindah pengungkapan pemikiran yang terkandung di dalamnya. Melalui contoh-contoh kain di atas, terbuktilah orang-orang Melayu amat peka terhadap nilai dan mutu kain-kain mereka. Imej kain ini amat tinggi dalam budaya Melayu sehingga wujudnya peribahasa *Bagai kain menunjukkan corak bangsanya* (KIP:120), yang bermaksud rupa dan gaya seseorang menunjukkan asal-usulnya.

Dalam bidang tempaan pula, orang Melayu terkenal dengan tempaan *emas*. Walaupun emas ini sudah termaklum mahal

harganya, terdapat pula jenis-jenis antaranya yang menentukan harganya. Emas yang baik dan bermutu tinggi dalam masyarakat Melayu dipanggil *emas tempawan.* Wanita tiada bandingan cantiknya dan sukar dicari diumpamakan sebagai *emas tempawan.* Pujian ini terpancar dalam pantun yang berikut:

Cenderawasih burung di awan,
Terbang hinggap di atas kota;
Dinda ibarat *emas tempawan,*
Tidak boleh kulupa sekelip mata.

(KPM:243)

Pembayang maksud pantun ini juga membawa makna yang sesuai dengan maksudnya. Burung cenderawasih juga sukar dicari dan hinggapnya pula di atas kota setelah terbang tinggi di awan. Inilah lambang kemegahan dan nilainya yang tinggi.

(ii) Secara Pertentangan Maksud

Di samping pengajaran, terkandung juga teguran atau sindiran dalam pengungkapan Melayu. Ini diucapkan dalam bahasa yang halus, iaitu bahasa yang indah dan kata-kata yang sedap didengar. Unsur-unsur perlambangan digunakan bagi mengelakkan menyinggung perasaan mana-mana pihak atau bersifat keterlaluan. Aspek pertentangan maksud ini dilihat dari dua

segi, iaitu yang zahirnya indah tetapi yang sebaliknya hodoh, dan yang zahirnya hodoh tetapi indah di sebaliknya.

(a) Zahiriah Yang Indah, Tetapi Hodoh Di Sebaliknya

Dalam pengungkapan kategori ini, unsur-unsur perlambangan yang indah digunakan, tetapi keindahan itu hanyalah pada zahirnya sahaja; di sebaliknya terselindung keburukan. Contohnya, terdapat pepatah-petitih yang berbentuk sindiran terhadap orang yang suka bersolek, seperti yang berikut:

Angkuh terbawa, tampan tertinggal

(KIP:10)

Gaya sahaja, rasanya wallah

(KIP:74)

Pepatah tersebut ditujukan kepada orang yang rupanya sahaja baik tetapi buruk sikapnya. Begitu juga dengan pepatah yang berikut:

Sungguh bersubang tidak berdara.

(KIP:204)

Unsur tumbuhan juga digunakan sebagai lambang keindahan secara tersurat. Warna merah sering dijadikan lambang keindahan, terutama untuk buah dan bunga, tetapi mempunyai makna yang sebaliknya dalam peribahasa-peribahasa tertentu. Antaranya:

Laksana bunga dedap, sungguh *merah* berbau tidak.

(KIP:118)

Lambang bunga yang indah ialah yang berwarna cantik dan berbau harum. Sebaliknya, *bunga dedap* hanya cantik secara zahiriahnya tetapi tiada berbau. Secara tersiratnya, peribahasa ini ditujukan kepada orang yang elok rupanya tetapi tidak berbudi bahasa.

Buah yang masak ranum pula, terutamanya yang berwarna merah, cantik dipandang tetapi tidak semestinya enak rasa isinya, seperti dalam peribahasa yang berikut:

Buah masak merah belum tentu manis rasanya.

(KIP:51)

Dalam perumpamaan di atas tersirat maksud dalamannya yang ditujukan kepada orang yang elok rupanya tetapi belum tentu baik perangainya. Begitu juga dengan imej *timun dendang*

yang cantik rupanya dengan warna yang merah tetapi isinya pahit, seperti yang terpancar dalam perumpamaan yang berikut:

> Bagai timun dendang di luar *merah* di dalam pahit.
>
> (KIP:27)

Perumpamaan tersebut ditujukan kepada orang yang bermulut manis tetapi busuk hatinya. Sama juga dengan perumpamaan di bawah yang mengambil *madu* sebagai unsur keindahan yang mewakili mulut manis, *lebah* sebagai wanita cantik tetapi terdapat pula *sengat* sebagai lambang kejahatan.

> Seperti lebah, mulut bawa madu pantat bawa sengat.
>
> (KIP:192)

Begitu juga dengan bidalan *Muka licin, ekor berkedal* (KIP:152), yang membawa maksud pada lahirnya baik tetapi hatinya jahat. Satu lagi contoh pepatah yang melambangkan keindahan zahiriah semata-mata tetapi busuk hatinya ialah:

> Gombak gemilang kutu banyak bibir hitam gigi kotor.
>
> (KIP:76)

Orang lemah lembut sering diumpamakan pijak semut tak mati. Namun, penambahan perumpamaan lain di hujungnya telah membezakan maksud dalamannya.

Semut dipijak tak mati,
gajah diarung bergelimpangan.

(KIP:183)

Maksud dalam perumpamaan di atas ialah tentang seorang yang kelihatan lemah lembut, tetapi keras perkataan atau tindakannya.

Daripada contoh-contoh di atas dapat dilihat bagaimana orang Melayu memerhatikan keadaan di sekitarnya. Walaupun pada zahirnya sesuatu itu kelihatan indah, sebaliknya belum tentu seindah rupanya. Daripada pemerhatian ini, orang Melayu mengambil imej-imej tertentu untuk dijadikan kias ibarat bagi melembutkan kata-kata yang dituturkan secara berlapik bagi menyampaikan buah fikiran dan sindiran.

(b) Zahiriah Yang Hodoh, Tetapi Terselindung Keindahan

Masyarakat Melayu bukan sahaja pandai menilai keindahan, bahkan bijak memilih antara yang baik dengan yang buruk. Walaupun sesuatu itu hodoh pada pandangan pancaindera zahir, terdapat unsur keindahan di sebaliknya. Imej-imej yang

tidak indah digunakan sebagai lambang dalam menyampaikan maksud.

Contohnya, imej *kayu gaharu* yang digambarkan sebagai sejenis kayu yang buruk rupanya, tetapi dihargai dalam masyarakat Melayu kerana kegunaannya untuk mengeluarkan bau yang harum setelah dibakar.

Buruk-buruk *kayu gaharu,* dibakar berbau juga.

(KIP:54)

Maksud tersirat di sebalik peribahasa ini ialah orang yang setia itu, walaupun miskin sekalipun, namanya tetap disebut orang. Begitu juga dengan imej tunggul yang hodoh tetapi jika diperelokkan seperti diukir atau dihias, tentu berubah menjadi cantik seperti tersurat dalam peribahasa yang berikut:

Tunggul itu kalau dipakaikan elok juga.

(KIP:226)

Imej bunga pula biasanya melambangkan keindahan dan menarik perhatian orang untuk memetiknya. Namun begitu, terdapat juga bunga yang tidak cantik dan tidak diendahkan orang sehinggalah layu dan gugur ke bumi. Sebenarnya, bunga ini masih ada gunanya.

Jika bunga tak hendak dipersunting,

boleh dibuat *peraksi kain.*

(KIP:95)

Di sebalik maksud tersurat seperti yang dijelaskan, terselindung makna dalamannya, iaitu tentang perempuan yang baik budi pekertinya, yang walaupun sudah tua atau rupanya hodoh, boleh juga menjadi ketua rumah.

Warna hitam merupakan unsur tidak baik dalam hudaya Melayu (Asmah 1993:164) dan lambang kehodohan. Sesuatu yang berwarna hitam sering digambarkan sebagai hodoh dan tidak berguna. Namun begitu, orang Melayu peka dalam pemerhatian mereka dan tidak melihat pada zahiriah semata-mata. Perhatikan bidalan yang berikut:

Hitam-hitam bendi, putih-putih sadah

(KIP:85)

Bendi atau *kereta kuda* walaupun berwarna hitam dan tidak cantik tetapi penting dalam kegunaan seharian sebagai kenderaan serta mahal harganya berbanding dengan *sadah* atau kapur yang cantik berwarna putih tetapi murah dan senang didapati. Maksud di sebalik bidalan itu ialah mengenai barang yang buruk bernilai daripada yang cantik.

Begitu juga dengan bidalan yang berikut yang menunjukkan kepentingan sesuatu barang diutamakan lebih daripada rupanya.

> Hitam-hitam tahi minyak dimakan juga,
> putih-putih hampas kelapa dibuang.
>
> (KIP:85)

Walaupun tidak cantik, malah hitam pula, *tahi minyak* berguna untuk menjadi makanan, manakala *hampas kelapa,* walaupun putih dan cantik, tidak dapat dimakan dan dibuang sahaja. Merujuk kepada sifat-sifat *tahi minyak* dan *hampas kelapa* ini terselindung maksud dalamannya, iaitu barang yang buruk tetapi berguna disimpan, manakala barang yang cantik tetapi tidak berguna, dibuang. Perhatikan pula bidalan di bawah:

> Hitam-hitam gajah, putih-putih udang kepai.
>
> (KIP:85)

Walaupun berwarna hitam dan hodoh, *gajah* tetap mendapat tempat di hati masyarakat Melayu sebagai haiwan yang penting, terutamanya sebagai kenderaan diraja. *Udang kepai,* walaupun berwarna putih, tidak banyak kegunaannya tetapi hanya merupakan udang kecil yang sesuai dibuat belacan. Bidalan di

atas membawa maksud bahawa yang hina tetap hina walaupun elok rupanya, dan yang mulia tetap mulia walaupun rupanya hodoh.

Imej *gagak* yang hitam dan hodoh turut dijadikan lambang kehodohan, tetapi boleh memberikan pengertian yang sebaliknya, seperti yang tersirat di sebalik peribahasa yang berikut:

Gagak bersuara murai.

(KIP:71).

Peribahasa ini menggambarkan seorang yang hodoh rupanya tetapi mempunyai suara yang merdu dan baik budi bahasanya.

2.5 Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas kelihatan bahawa orang Melayu mempunyai cara dan gaya tersendiri dalam mengungkap keindahan rupa paras. Setiap buah fikiran yang hendak disampaikan terpancar bukan sahaja secara langsung, malah secara terselindung dan berkias ibarat agar lebih halus, manis dan berlapik. Keindahan yang dipancarkan secara lansung biasanya berbentuk pujian.